



UPM Menang Malaysia Independence Award



SERDANG, 24 November - Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi anugerah 2nd Malaysia Independence Award 1957 @ Anugerah Merdeka bagi kategori Malaysia's Prominent Products & Services.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata UPM dipilih berdasarkan kecemerlangan universiti itu menawarkan perkhidmatan pendidikan dan mempamerkan kelestarian memperkukuhkan penjenamaannya.

Majlis yang masuk tahun kedua itu menyaksikan 19 wakil industri menerima anugerah untuk 9 kategori, antaranya Anugerah Malaysia's Prominent Brand yang dimenangi oleh Kuala Lumpur Convention Centre dan Zhulian serta Anugerah Malaysia's A-Class Company yang dimenangi oleh Subur Tiasa Holdings Berhad.



UPM merupakan satu-satunya institusi pengajian tinggi yang terpilih menerima anugerah pada majlis itu.

Penyampaian trofi dan sijil penghargaan disampaikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Russia, Lyudmilla Vorobieva pada majlis yang diadakan di Hotel Istana.

Beliau dalam ucapannya berharap anugerah itu akan menggalakkan persaingan sihat antara industri dan sektor korporat menawarkan perkhidmatan dan produk yang cemerlang sekaligus menyumbang kepada kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Salleh dan Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat, Prof. Dr. Tai Shzee Yew.

Berita ditulis oleh Seksyen Media Bahagian Komunikasi Korporat (Sabrina Mahili 03-89466014), Foto Noorazreen Awang 03-89466199).

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia